





KUALA LUMPUR DALAM TAHUN
2000 'AN
TINJAUAN MENGENAI KEHIDUPAN
DI IBUKOTA




(KL)

711.
4
ELY



DIGITAL





'KONVENSYEN NURI 1988'

(15 - 17 Julai 1988)

KUALA LUMPUR DALAM TAHUN 2000'AN
TINJAUAN MENGENAI KEHIDUPAN DI IBUKOTA

Perpustakaan
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

21 JUL 1988

Dibentangkan oleh:

Yang Berbahagia Dato' Elyas bin Omar
Datuk Bandar Kuala Lumpur



KUALA LUMPUR DALAM TAHUN 2000'AN - TINJAUAN MENGENAI KEHIDUPAN DI IBUKOTA



Pengenalan

Proses perbandaran atau urbanisasi merupakan satu fenomena penting yang telah membawa banyak perubahan kepada masyarakat di negara ini khususnya mereka yang menetap di bandar-bandar besar. Kadar pertumbuhan penduduk yang pesat seperti dialami di Kuala Lumpur telah menimbulkan berbagai masalah dan implikasi sosio-ekonomi.

Sepertimana di negara-negara membangun yang lain, pertambahan penduduk di bandar-bandar besar di Malaysia diramalkan akan berterusan dengan kadar yang paling tinggi. Di Semenanjung Malaysia, angka-angka menunjukkan bahawa penduduk bandaran telah meningkat daripada 2.6 juta (atau 28% daripada keseluruhan jumlah penduduk) pada tahun 1970 kepada 4.1 juta (atau 35%) pada tahun 1980.

Unjuran penduduk bandaran (Semenanjung Malaysia) juga menunjukkan bahawa bilangan penduduk akan meningkat dengan pesatnya daripada 5.1 juta (atau 38% daripada keseluruhan jumlah penduduk) pada tahun 1985 kepada 6.3 juta (atau 42%) menjelang tahun 1990.

Ini bererti bahawa penguasa-penguasa tempatan akan menghadapi pelbagai masalah dan justeru itu mereka hendaklah mengambil perhatian berat mengenai isu-isu pembangunan yang pesat yang akan melibatkan sejumlah 6.3 juta manusia yang menetap di kawasan-kawasan bandaran di negara ini. Ini juga merupakan satu cabaran besar kepada kita semua terutama-nya pihak pentadbir bandaran, para perancang, pengubal dasar, para penyelidik dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

